

PROGRAM 7 PILLARS:

BENGKEL KEPIMPINAN LATIHAN INDUSTRI 2008

Oleh: Azilawati Suanda

Bengkel anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Pusat Kerjasama Industri ini telah berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2008 di Dewan 2020, Kangar. Bengkel ini diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar Tahun 3, Ijazah dan Diploma yang akan menjalani Latihan Industri dimana bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang organisasi-organisasi baru yang menuntut kepelbagaiannya kemahiran semasa mereka mengikuti latihan industri kelak.

Melalui program ini, para pelajar akan ditempatkan di industri-industri atau syarikat-syarikat mengikut kesesuaian bidang masing-masing dalam tempoh selama 4 hingga 6 bulan mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Program ini adalah untuk mencapai beberapa objektif iaitu menghasilkan graduan yang mempunyai daya saing untuk cemerlang, berhemah tinggi, dan mempunyai daya tahan cabaran yang kental dari segi rohani dan jasmani. Program ini juga ingin menerapkan ciri-ciri kepimpinan dan kerjasama berpasukan dalam sesuatu organisasi di samping memberi latihan keyakinan dan jati diri dalam menghadapi cabaran di alam pekerjaan. Bengkel ini juga akan memberi penerangan kepada pelajar yang bakal menjalani Latihan Industri tentang peraturan-peraturan, garis panduan serta kehendak pihak Industri dan UniMAP.

Program yang berlangsung selama 2 hari itu merangkumi beberapa slot ceramah seperti Kepimpinan & Pekerja/Pelajar Cemerlang oleh Puan Sabasiah Bte Husin dari UJM, Evaluation Process For Students On InTra Program oleh Cik Noraziana Parimin dan En. Mohd Rafi Adzman, Format Penulisan Laboran dan Logbook InTra oleh En. Zaheeral Ishwar Abdul Khalib dan Teknik Penulisan Bibliografi oleh Pn. Hajah Foyziah Ahmad Nasuruddin. Selain itu diselitkan juga beberapa forum yang bertajuk Latihan Industri – Sebagai Asas Kerjaya dan Pengalaman Menjalani Latihan Industri 2008.

Program yang dilaksanakan ini diharap dapat memberi impak yang baik kepada semua pelajar yang akan menjalani Latihan Industri supaya mereka lebih berkeyakinan dalam menghadapi segala cabaran dan dugaan di alam pekerjaan. Program ini telah dirasmikan oleh Dekan Pengurusan Akademik, Prof. Madya Ir. Mohabattul Zaman S NS Bukhari.

